

Kerajaan kecewa sedikit Bumiputera berniaga runcit

BH 12 JUL 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Kekurangan usahawan Bumiputera di bandar besar pada masa ini akan mewujudkan keadaan tidak seimbang dan jika tidak diatasi segera boleh membawa kepada ketegangan kaum, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan kecewa apabila mendapati terlalu sedikit usahawan Bumiputera terbabit dalam kegiatan perniagaan runcit di bandar besar dan pusat bandar baru di negara ini.

Katanya, apabila golongan Bumiputera tidak mengambil bahagian dalam sektor berkenaan, bandar-bandar besar di negara ini tidak mencerminkan agihan penduduk yang sebenarnya.

"Ini bukan suatu aliran yang baik. Kita tidak mahu wujud kawasan 'ghetto' (setinggan) yang berat kepada sesuatu kaum dan jika ini berterusan, saya yakin masalah sosial yang membawa kepada peristiwa (13 Mei) 1969 boleh berulang.

"Sehubungan itu, kerajaan kini memberi perhatian terhadap jenis perniagaan yang boleh diterokai Bumiputera di bandar-bandar baru, supaya ia boleh mencerminkan agihan penduduk di negara ini,"

katanya.

Beliau berucap di Majlis Dialog Usahawan Bumiputera Dengan Perdana Menteri anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini petang ini.

Majlis dialog hampir dua jam itu disertai 1,500 usahawan Bumiputera dari seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah mengkaji masalah usahawan Bumiputera khususnya membabitkan aspek kewangan serta pembiayaan, dan mengenal pasti pendekatan tertentu yang boleh membawa kejayaan untuk golongan itu dalam bidang runcit.

"Apa yang penting, ialah perlunya kerjasama semua pihak... ia perlu kerjasama di antara kerajaan dan agensinya, peniaga Bumiputera serta memerlukan sokongan badan sampingan seperti bank dan pihak yang memberi kredit," katanya.

Dr Mahathir berkata, antara sistem yang diberi perhatian oleh kerajaan ialah konsep *français*, yang diakui memudahkan usahawan kerana setiap urusan permulaan termasuk jenama, ditentukan lebih awal.